A

## Pendakwa Raya lwn Mohd Safwan bin Husain

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO R-09–235–06 TAHUN 2016
VERNON ONG, PRASAD ABRAHAM DAN ABDUL KARIM HHMR
23 JANUARI 2017

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan — Responden dituduh di bawah s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Responden dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri — Sama ada maksud 'an arrested person' dalam s 31A Akta Dadah Berbahaya 1952 merangkumi konsep 'constructive arrest' — Sama ada responden telah*
D *ditangkap sebaik sahaja dia ditahan dan diarahkan memberikan spesimen air kencingnya — Sama ada kes prima facie dibuktikan*

Responden, seorang anggota polis, telah dituduh di mahkamah majistret di
E atas kesalahan menggunakan dadah berbahaya jenis methamphetamine di bawah s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Di akhir kes pendakwaan, majistret telah mendapati bahawa perayu gagal membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden dan seterusnya majistret telah melepaskan dan membebaskan responden tanpa dipanggil untuk membela
F diri. Rayuan perayu di Mahkamah Tinggi telah ditolak di atas sebab perayu telah gagal membuktikan semasa spesimen air kencing responden diambil oleh Sub Insp Shuib bin Man ('SP2'), responden belum lagi menjadi seorang yang ditangkap (*person arrested*) dalam maksud peruntukan s 31A Akta. YA pesuruhjaya kehakiman juga memutuskan bahawa maksud tangkapan dalam
G s 31A Akta tidak merangkumi tangkapan konstruktif. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu memfailkan rayuan semasa. Isu yang dibangkitkan adalah sama ada maksud 'an arrested person' dalam s 31A Akta merangkumi konsep *constructive arrest.*

H **Diputuskan,** membenarkan rayuan dan mengarahkan responden dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan yang dihadapkan ke atasnya:

(1) Penggunaan dikotomi tangkapan sebenar atau tangkapan konstruktif tidak tepat di sini dan tidak membantu dalam resolusi isu yang dirujuk.
I Pendekatan yang sebaiknya adalah sama ada telah berlakunya sesuatu tangkapan atau tidak. Penentuan isu ini seterusnya akan bergantung pada keadaan dan fakta sesuatu kes itu. YA pesuruhjaya kehakiman telah terkhilaf dalam penghakimannya apabila mengambil pendekatan secara dikotomi tersebut (lihat perenggan 28, 33 & 37).

(2) Berdasarkan fakta kes, walaupun responden dikatakan memberikan kerjasama namun kebebasannya telah disekat dan dia telah dipaksa untuk mengikuti segala arahan yang diberikan. Oleh itu, mahkamah mandapati responden telah ditangkap sebaik sahaja dia ditahan dan diarahkan memberikan spesimen air kencingnya. Hal keadaan tersebut disokong oleh laporan polis yang dibuat oleh SP2 (lihat perenggan 34–35).

(3) Seksyen 31A Akta tidak menyebut di mana-mana bahawa kegagalan untuk mematuhi kehendak di situ boleh membuatkan apa jua bukti yang diperoleh hasil daripada pemeriksaan yang dilakukan akan menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan (*inadmissible*). Seksyen 31A memberikan keabsahan undang-undang (*lawfulness*) ke atas tindakan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai atau orang yang disenaraikan dalam mengambil sampel dan membuat pemeriksaan ke atas orang yang ditangkap. Skema peruntukan tersebut jelas membezakan antara pemberian kebenaran *vis a vis* kesahan dengan kerelevanan sesuatu bahan bukti yang diperoleh daripada tindakan tersebut. Oleh itu, dalam kes semasa, sampel darah yang diambil, walaupun diperoleh secara tidak sah, diwajarkan untuk diterima masuk sebagai keterangan. Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, mahkamah mandapati terdapatnya merit dalam rayuan perayu dan sekali gus memutuskan perayu telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie ke atas responden (lihat perenggan 36 & 38).

**[English summary**

The respondent, a police officer, was charged in the magistrate court for the offence of consumption of dangerous drugs (methamphetamine) under s 15(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). At the end of the prosecution case, the magistrate found that the appellant failed to prove prima facie case against the respondent and consequently the respondent was discharged and acquitted without his defence being called. The appellant's appeal to the High Court was dismissed on the basis that the appellant had failed to prove that at the time the urine speciment was taken by Sub Insp Shuib bin Man ('SP2'), the respondent was not 'person arrested' within the meaning of provisions of s 31A of the Act. The learned judicial commissioner also held that the meaning of arrest in s 31A of the Act did not include constructive arrest. Dissatisfied with the decision, the appellant filed the present appeal. The issue arose was whether constructive arrest was included within the meaning of 'an arrested person' in s 31A of the Act.

**Held,** allowing the appeal and directing the respondents to be called upon to enter his defence against the charge:

(1) The usage of the dichotomy of actual arrest or constructive arrest was inaccurate in the present case and it would not be of any help to the issue

at hand. The best approach should be whether there was an arrest or not. The determination of this issue depended on the circumstances and facts of the case. The learned judicial commissioner had erred in his judgment when taking the dichotomy approach (see paras 28, 33 & 37).

(2) Based on the facts of the case, even though the respondent was said to have given cooperation, but his freedom was blocked and he was forced to follow all the instructions. Thus, the court found that the respondent was arrested when he was instructed to give his urine specimen. This was supported by the police report made by SP2 (see paras 34–35).

(3) Section 31A of the Act does not provide that the failure to adhere to the said provisions will cause the evidence adduced from the examination to be inadmissible. Section 31A of the Act provides the lawfulness on the action taken by the officers or the listed individuals in taking the sample and conducting examination on the arrested person. The scheme of the said provisions clearly distinguished the authorisation vis a vis validity with the relevancy of evidence adduced from the said action. Thus, in the present case, the blood sample adduced, though unlawfully taken, should be admissible as evidence. Based on the above findings, the court found that, there was merit in the appellant's appeal and the court therefore held that the appellant had successfully proven a prima facie case against the respondent (see paras 36 & 38).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 231–241.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Alderson v Booth* [1969] 2 QB 216 (dirujuk)
*Ananth Kumar Naik vs The State of Andhra Pradesh* 1977 CriLJ 1797, MT (dirujuk)
*Anil Anantrao Lokhande vs The State of Maharashtra* 1981 CriLJ 125, MT (dirujuk)
*Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal* [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145, MP (dirujuk)
*Holgate-Mohammed v Duke* [1984] AC 437, HL (diikut)
*Jamshed vs State of UP* 1976 CriLJ 1680, MT (dirujuk)
*Kuruma, Son of Kaniu v The Queen* [1955] AC 197, PC (dirujuk)
*PP v Abdul Rahim Kalandari Mustan* [1998] 5 CLJ 566, MT (dirujuk)
*PP v Lim Hock Boon* [2009] 3 MLJ 604; [2009] 3 CLJ 430, MP (dirujuk)
*PP v Shee Chin Wah* [1998] 5 MLJ 429; [1997] 5 CLJ 472, MT (dirujuk)
*R v Whitfield* [1970] SCR 46, MA (dirujuk)
*Raissi v Metropolitan Police Commissioner* [2009] 3 All ER 14, MR (dirujuk)
*Shaaban & Ors v Chong Fook Kam & Anor* [1969] 2 MLJ 219, PC (diikut)
*Teoh Meng Kee v PP* [2014] 5 MLJ 741; [2014] 7 CLJ 1034, MR (diikut)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 15(1)(a), 31, 31A, 31A(1), 31A(1A), 37A, 39B, Bahagian III, IV, Jadual Pertama
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 50(2)
Indian Criminal Prosedure Code [IND] s 53
Kanun Tatacara Jenayah ss 15, 113, 399

**Rayuan daripada:** Perbicaraan Jenayah No 41S-02–02 Tahun 2016 (Mahkamah Tinggi, Kangar)

*Tengku Amir Zaki bin Tengku Abdul Rahman (Adam bin Mohamed bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.*
*Jeyaseelen Anthony (Jeyaseelen & Co) bagi pihak responden.*

**Abdul Karim HMR:**

**[1]** Ini ialah rayuan oleh pendakwa raya, (perayu) terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Perlis yang telah menolak rayuan perayu terhadap keputusan Mahkamah Majistret Kangar, Perlis yang telah melepaskan dan membebaskan responden, OKT di situ, di akhir kes pendakwaan.

**[2]** Responden telah didakwa di Mahkamah Majistret Kangar, Perlis dengan pertuduhan di bawah s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952'). Pertuduhan tersebut menyatakan seperti yang berikut:

> Bahawa pada 06/04/2014 jam lebih kurang 9.30 pagi di Balai Polis Kuala Perlis, di dalam Daerah Kangar di dalam Negeri Perlis telah menggunakan dadah berbahaya iaitu Methamphetamine dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15 Akta yang sama dan Seksyen 38B Akta yang sama.

**[3]** Responden telah tidak mengaku salah. Perbicaraan dijalankan dengan perayu memanggil empat orang saksi, dan di akhir kes pendakwaan, puan majistret yang bijaksana telah mendapati bahawa perayu telah gagal membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden. Susulan itu, responden telah dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri.

**[4]** Perayu telah merayu ke Mahkamah Tinggi Kangar terhadap keputusan berkenaan tetapi rayuan tersebut telah ditolak.

**[5]** Terkilan, perayu telah merayu ke mahkamah ini atas persoalan undang-undang selaras dengan kehendak peruntukan s 50(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 iaitu sama ada maksud 'an arrested person' dalam s 31A(1A) Akta Dadah Berbahaya 1952 merangkumi konsep 'constructive arrest'?

**[6]** Setelah mendengar penghujahan daripada kedua-dua pihak, kami telah menangguhkan rayuan ini untuk pertimbangan dan keputusan. Berikut ialah keputusan kami.

RINGKASAN LATAR PENTAS KES

**[7]** Demi memahami isu yang ditimbulkan, latar pentas ringkas berikut diperlukan. Bertindak atas maklumat penyalahgunaan dadah berbahaya, Sub Insp Shuib bin Man ('SP2') telah, pada pukul 9.30 pagi, 6 Mei 2014, mengetuai sepasukan enam orang anggota polis dari cawangan narkotik IPK Perlis ke Balai Polis Kuala Perlis, tempat suspek/responden bertugas.

**[8]** Setibanya di balai tersebut, SP2 telah memanggil suspek, iaitu responden, seorang anggota polis sokongan yang bertugas sebagai pegawai lokap Balai Kuala Perlis, memperkenalkan dirinya sebagai Sub Insp Narkotik dan memaklumkan bahawa dia disyaki terlibat dengan kegiatan penagihan dadah dan hendak membuat saringan air kencingnya. SP2 seterusnya mengarahkan air kencing responden diambil untuk tujuan disaring. Responden kemudiannya dengan diiringi oleh SP2 dan Korp Asmadi telah ke tandas balai tersebut bagi tujuan pengambilan air kencingnya. Tiada orang lain di tandas pada masa itu.

**[9]** Responden telah menurut arahan tersebut, dan setelah selesai menyediakan air kencingnya di dalam botol yang bernombor 0152174 ('P10'), responden telah menyerahkan botol P10 itu kepada SP2 untuk ujian saringan. Ujian saringan telah dilakukan dengan memasukkan strip-ujian ke dalam botol tersebut. Terdapat empat jenis strip dan ujian dilakukan selama tiga minit. Salah satu strip-ujian ('P5') telah menunjukkan keputusan yang positif methamphetamine. Responden dan barang kes berkenaan seterusnya dibawa ke IPK untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat, SP4. SP2 kemudiannya telah membuat laporan polis ('P6') berkaitan dengan penangkapan responden dan ujian saringan tersebut.

**[10]** Pada pukul 11.30 pagi hari yang sama SP2 telah berjumpa dengan SP4 dan telah menyerahkan (*vide* borang akuan serah menyerah P7) P10, strip-ujian (P5) serta sampul aluminium (P4) kepada SP4.

**[11]** SP4 kemudiannya menghantar P10 ke Jabatan Patologi Hospital Kuala Lumpur untuk dianalisis, dan SP3, En Kamarulzaman bin Husin, pegawai sains (ahli kimia hayat), mengesahkan P10 mengandungi methamphetamine.

KEPUTUSAN MAJISTRET

**[12]** Di akhir kes pendakwaan, puan majistret yang bijaksana telah melepaskan dan membebaskan responden kerana pihak pendakwaan didapati telah gagal membangkitkan suatu kes prima facie terhadap responden. Puan majistret mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan inti pati utama pertuduhan iaitu kegagalan pegawai sains SP3 untuk mengesahkan, sama ada dalam laporan ujian pengesanan dalam air kencing ('laporan P11') atau dalam keterangannya semasa perbicaraan, bahawa methamphetamine ialah sejenis dadah berbahaya seperti mana yang tersenarai dalam Bahagian III dan IV, Jadual Pertama ADB 1952.

RAYUAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI

**[13]** Di Mahkamah Tinggi, YA pesuruhjaya kehakiman telah mempertimbangkan isu-isu yang berikut (alasan penghakiman, di ms 15–16: rekod rayuan, *Jld* 1):

(a) Pendakwaan gagal mematuhi peruntukan s 399(1) KTJ iaitu dalam tempoh 10 hari sebelum perbicaraan menyerahkan laporan patologi (P11) kepada responden;

(b) Laporan patologi dan keterangan SP3 tidak boleh diterima kerana gagal menyatakan dadah jenis Methamphetamine termasuk dalam Bahagian II dan IV, Jadual Pertama, Akta itu atau dadah yang tersenarai dalam Akta Racun 1952.

(c) Sama ada sampel air kencing yang diambil daripada responden termasuk dalam 'arrested person' bagi maksud peruntukan s 31(1A) Akta itu.

**[14]** Di akhir pendengaran rayuan, YA pesuruhjaya kehakiman telah bersetuju dengan penghujahan timbalan pendakwa raya ('TPR') berkenaan dengan isu (a) dan (b). Berhubung isu (a), diputuskan walaupun laporan P11 tidak diserahkan kepada responden seperti mana yang dikehendaki oleh peruntukan s 399 Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ'), perayu telah memanggil SP3 sebagai saksi semasa perbicaraan. Dalam keadaan ini, laporan P11 boleh dikemukakan dan diterima sebagai keterangan sokongan. Manakala bagi isu (b), YA pesuruhjaya kehakiman memutuskan bahawa keterangan SP3 yang mengesahkan P10 mengandungi methamphetamine, yang disokong juga oleh laporan P11, sudah memadai untuk membuktikan dadah itu sebagai dadah berbahaya dalam Bahagian III dan IV ADB 1952. Puan majistret didapati terkhilaf dalam menolak keterangan dan pembuktian tersebut.

**[15]** Bagaimanapun, YA pesuruhjaya kehakiman telah memutuskan sebaliknya bagi isu (c). YA pesuruhjaya kehakiman memutuskan bahawa perayu telah gagal membuktikan semasa spesimen air kencing responden

diambil, responden belum lagi menjadi seorang yang ditangkap (*person arrested*) dalam maksud peruntukan s 31A ADB 1952. YA pesuruhjaya kehakiman juga memutuskan bahawa maksud tangkapan dalam s 31A tidak merangkumi tangkapan konstruktif, seperti mana yang dihujahkan oleh TPR. Dalam kesimpulan penghakimannya, YA pesuruhjaya kehakiman memutuskan (di ms 35 rekod rayuan, *Jld* 1):

> Walaupun begitu, pendakwaan gagal dalam isu (c) apabila sampel air kencing responden diambil sebelum *tangkapan sebenar* dilakukan oleh SP2 bagi maksud peruntukan s 31A Akta itu. (Penekanan ditambah.)

RAYUAN INI

**[16]** Seperti mana yang dinyatakan, persoalan undang-undang yang dibangkitkan oleh perayu adalah sama ada maksud 'an arrested person' dalam s 31A(1A) ADB 1952 merangkumi konsep 'constructive arrest'?

**[17]** Di hadapan kami TPR telah mengemukakan dua pendekatan dalam penghujahannya. Pertama, dihujahkan YA pesuruhjaya kehakiman telah terkhilaf daripada segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan pihak perayu telah gagal membuktikan suatu kes prima facie di akhir kes pendakwaan apabila gagal membuktikan semasa spesimen air kencing responden diambil responden merupakan 'an arrested person' bagi maksud s 31A(1A) ADB.

**[18]** Sehubungan dengan isu tersebut, TPR menghujahkan bahawa berdasar fakta dan hal keadaan kes ini terutamanya keterangan SP2 dan laporan polisnya di eksh P6, serta nas Majlis Privi dalam *Shaaban & Ors v Chong Fook Kam & Anor* [1969] 2 MLJ 219, jelas mendukung saranan bahawa ungkapan 'arrested person' bagi maksud s 31A(1A) ADB merangkumi tangkapan konstruktif (*constructive arrest*). Ekoran itu, dihujahkan pada masa responden diarah memberikan spesimen air kencingnya bagi tujuan disaring, responden sebenarnya, secara konstruktif, telah ditangkap dan kemudiannya ditahan oleh pihak polis. Oleh itu, pengambilan air kencing tersebut tidak bertentangan dengan peruntukan s 31A(1A) ADB 1952.

**[19]** Keduanya, TPR juga menghujahkan bahawa sekiranya mahkamah mendapati ketidakpatuhan pada peruntukan undang-undang di atas menjejaskan kes pendakwaan kerana bukti telah diambil secara tidak sah atau tidak wajar, keterangan yang dicabar itu masih boleh diterima memandangkan keterangan tersebut adalah relevan untuk membuktikan pertuduhan terhadap responden. Secara keseluruhan, dihujahkan perayu telah berjaya membangkitkan suatu kes prima facie terhadap responden.

**[20]** Peguam responden yang terpelajar pula tidak bersetuju dengan saranan TPR tersebut dan menghujahkan bahawa takrif tangkapan di bawah peruntukan s 31A(1A) ADB 1952 semestinya merujuk kepada penangkapan sebenar (*actual arrest*). Peguam telah bersandarkan hujahnya pada peruntukan s 15 KPJ, ss 37A dan 31A(1) ADB 1952 serta beberapa kes tersohor berkenaan dengan makna dan cara tangkapan. Dihujahkan keputusan majistret dan YA pesuruhjaya kehakiman adalah betul dan disokong.

KEPUTUSAN KAMI

**[21]** Dalam mencari resolusi pada isu undang-undang yang ditimbulkan, amat ketepatan untuk dimulakan dengan peruntukan undang-undang yang diperdebatkan dalam rayuan ini. Seksyen 31A(1) dan (1A) ADB 1952 memperuntukkan:

> (1) *When any person is arrested* on a charge of committing an offence against this Act —
>
> (a) which is of such a nature; or
>
> (b) which is alleged to have been committed under such circumstances,
>
> as give reasonable grounds for believing that an examination of this person will afford evidence as to the commission of an offence against this Act, it *shall be lawful* for a medical officer acting at the request of any police officer not below the rank of Sergeant, or any other officer in charge of a police station, or any officer of customs, and for any person acting in aid of a medical officer and under his direction, *to make such an examination or examinations of the person arrested* as may be reasonably necessary in order to ascertain the facts which may afford such evidence, and to use or cause to be used such force as may be reasonably necessary for that purpose.
>
> (1A) For the purpose of *preservation of evidence*, it *shall be lawful* for a police officer not below the rank of Sergeant or any officer of customs *to require an arrested person* to provide a specimen of his urine for the purposes of an examination under subsection (1) if it is not practicable for the medical officer or the person who is acting in aid of or on the direction of a medical officer to obtain the specimen of the urine within a reasonable period.

Secara amnya, peruntukan seksyen ini dengan jelas, antara lain, membantu pihak polis dalam mengerakkan jentera siasatan dengan memberikan keabsahan (*validity/lawfulness*) ke atas tindakan mereka dalam menguatkuasakan ADB 1952 terutamanya dalam melakukan pemeriksaan ke atas mana-mana orang yang telah ditangkap (*person arrested*). Peruntukan s 31A(1A) ini dengan jelas memberikan kuasa kepada pegawai polis, atas pangkat yang dinyatakan, untuk merujuk seseorang yang telah ditangkap kepada pegawai perubatan atau mereka yang dibenarkan bagi tujuan pemeriksaan orang yang ditangkap tersebut untuk mencari apa-apa bukti bagi kesalahan yang dilakukan di bawah ABD 1952. Pemeriksaan tersebut boleh merangkumi pemeriksaan luaran dan dalaman tubuh seseorang yang ditangkap itu. Pemeriksaan dalaman termasuklah pengambilan darah, air

kencing, air mani, dan sebagainya. Tidak dinafikan seksyen ini amat relevan dalam siasatan bagi kesalahan di bawah s 15(1)(a) ADB 1952. Dicatat lanjut, dengan s 31A(1A), pegawai polis dalam pangkat yang diperuntukkan dibenarkan, bagi tujuan *pemeliharaan sesuatu bukti*, untuk meminta seseorang yang ditangkap (*an arrested person*) memberikan spesimen air kencingnya bagi tujuan pemeriksaan di bawah s 31A(1) jika pengambilan spesimen itu oleh seseorang pegawai perubatan tidak praktikal dilakukan dalam tempoh yang munasabah. Jika segala kehendak seksyen ini diikuti, tindakan pengambilan spesimen dan pemeriksaan yang dilakukan itu akan menjadi *sah* (*lawful*) (rujuk s 53 Indian Criminal Prosedure Code yang in pari materia dengan s 31A(1) kita; dan kes *Jamshed vs State of UP* 1976 CriLJ 1680, *Ananth Kumar Naik vs The State of Andhra Pradesh* 1977 CriLJ 1797, *Anil Anantrao Lokhande vs The State of Maharashtra* 1981 CriLJ 125, bagi penjelasan skop pemakaian seksyen ini).

**[22]** Jelasnya, peruntukan ini secara khusus memberikan keabsahan ke atas tindakan pihak polis itu (termasuk pegawai perubatan dan yang berkenaan) apabila melakukan sesuatu siasatan ke atas gulungan orang yang disebut melalui perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam peruntukan s 31A itu sendiri. Dalam s 31A, ungkapan yang digunakan ialah 'Apabila mana-mana *orang ditangkap*' (*When any person is arrested*), dan dalam s 31A(1A) pula digunakan kata sifat (*adjective*) dalam bentuk 'an arrested person'. Kami berpendapat daripada ungkapan dan kata sifat tersebut, peruntukan ini akan terpakai apabila seseorang yang diperiksa itu merupakan seorang yang telah ditangkap. Dari sudut ini, kami bersetuju dengan keputusan YA pesuruhjaya kehakiman.

**[23]** Bagaimanapun itu bukan penyudahnya. Persoalannya, daripada ungkapan *any person is arrested*, *person arrested* atau *an arrested person* itu bilakah seseorang itu dikatakan telah ditangkap (*arrested*)? Bagi tujuan itu, sudah semestinya kita perlu memulakan dengan pencarian apakah yang dimaksudkan dengan perkataan 'tangkapan' (*arrest*)? Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak mentakrifkan perkataan itu. Mimi Kamariah Majid dalam *Criminal Procedure In Malaysia* (3rd Ed) di ms 49 menyatakan:

> According to *Halsbury's Law of England*, arrest consists in the siezure or touching of a person's body with a view to his restraint; *words may, however, amount to an arrest if, in the circumstances of the case, they are calculated to bring, and do bring, to a person's notice that he is under compulsion and he thereafter submits to the compulsion.* (Penekanan ditambah.)

Tentang cara tangkapan dilaksanakan, ini telah diperuntukkan dalam s 15 KPJ seperti mana yang berikut:

> 15(1) In making an arrest the police officer or other person making the same shall actually touch or confine the body the body of the person to be arrested unless there is a submission to the custody by word or action.

Kedua-dua pihak dalam rayuan sekarang ini bersetuju dengan keputusan kes *locus classicus Shaaban & Ors v Chong Fook Kam & Anor* [1969] 2 MLJ 219 (PC) yang memutuskan:

> An arrest occurs when a police officer states in terms that he is arresting or when he uses force to restrain the individual concerned. It occurs also when by words or conduct he makes it clear that he will if necessary, use force to prevent the individual from going where he may want to go. It does not occur when he stops an individual to make inquiries.

Begitu juga dalam kes *Holgate-Mohammed v Duke* [1984] AC 437 (HL) diputuskan di ms 441 begini:

> The word '*arrest*' ... is a term of art. First, it should be noted that *arrest is a continuing* act: it starts with the arrester taking a person into his custody. (sc By action or words restraining him from moving anywhere beyond the arrester's control), *and it continues until* the person so restrained is either released from custody or, having been brought before a magistrate, *is remanded in custody* by the magistrate's judicial act. (Emphasis added.)

**[24]** Bagaimanapun, kami mendapati pemakaian prinsip di atas telah mencipta beberapa pendekatan untuk menentukan bilakah sesuatu tangkapan telah berlaku. Kami tidak berniat untuk menyusuri setiap pendekatan tersebut tetapi memadai untuk memetik beberapa kes untuk melihat prinsip am yang boleh terpancar daripada kes-kes tersebut. Dalam kes *Public Prosecutor v Shee Chin Wah* [1998] 5 MLJ 429; [1997] 5 CLJ 472, YA Suriyadi H (ketika itu) di ms 481 dengan jelas telah membentangkan pendekatan-pendekatan tersebut:

> The relevant provision with regard to arrest is s 15 of the Criminal Procedure Code and it reads:
>
> > 15(1) In making an arrest the police officer or other person making the same shall actually touch or confine the body of the person to be arrested unless there be a submission to the custody by word or action.
>
> A simple reading of the above provision will impress any reader that some restraining of the liberty of the person by certain acts, physical or otherwise, is required, which will immobilise him although actual arrest will become unnecessary if there is submission to the arrestor. In *Shaaban & Ors v Chong Fook Kam & Anor* [1969] 2 MLJ 219 at p 220, Lord Devlin said:
>
> > An arrest occurs when a police officer states in terms that he is arresting or when he uses force to restrain the individual concerned. It occurs also when by words or conduct he makes it clear that he will, if necessary, use force to prevent the

A individual from going where he may want to go. It does not occur when he stops an individual to make inquiries.

By virtue of attempts by jurists to interpret the meaning of arrest, two schools of thought have germinated, one requiring actual arrest whilst the other sufficiently satisfied if a person is already in a state of being watched or guarded to prevent his B escape. As for the latter view, the issue of whether in a particular case a person was under arrest at a given moment of time, is a question of fact to be decided according to the facts of each case. To mention a few cases, this view is clearly reflected in *Sambu v R* [1947] MLJ 16, *PP v Salamah binte Abdullah & PP v Ong Eng Kiat* [1947] MLJ 178 and *Tan Shu En & Anor v PP* [1948] MLJ 196. In the classic case C of *Jayaraman & Ors v PP* [1982] 2 MLJ 306, the court was of the view that mere inquiries or even a request 'not to leave the compound of the temple' did not tantamount to having the accused under arrest. In other words something extra was required for a person to be considered as under arrest. With the advent of *PP v Salleh bin Saad* [1983] 2 MLJ 164 the mood swung to actual arrest and not constructive arrest. This case was strongly supported by *PP v Lim Kin Ann* [1988] 1 MLJ 401 D and *PP v Tan Chye Joo & Anor* [1989] 2 MLJ 253.

The case of *Krishnan v PP* [1987] 1 MLJ 292 saw an interesting development in the law when Their Lordships in the Supreme Court enunciated that the accused was already under arrest when he was being pursued to his house by the police. Wan E Adnan J (as he then was) in *Tan Chye Joo*, even though after *Krishnan*, distinguished the facts of *Krishnan* with that of the case before him by alluding to the remarks of the police witness and the lack of evidence to show that there was an attempt by the arrestee to escape.

Peh Swee Chin J (as he then was) in *PP v Rosyatimah bte Neza & Anor* [1989] 1 MLJ F 360 created a ripple again when His Lordship endorsed the constructive arrest concept and at the same time adding that a person was under arrest if 'from the circumstances it can be implied that his personal liberty has been restrained'. Three years later, the issue of arrest made its appearance again in *PP v Kang Ho Soh* [1991] 3 CLJ 2914 when His Lordship Mahadev Shankar J (as he then was) said at p 2917:

G But whether in a particular case a person was under actual arrest at a given moment of time is a question of fact, to be decided according to the circumstances of each case.

Having considered the relevant views of those eminent judges I found myself to be in complete agreement with the view of Mahadev Shankar J not only due to its H sensibleness and pragmatism but is in full consonant (sic) with the statutory provision.

**[25]** Mengenai pelbagai pendekatan ini lagi, YA Abdul Hamid Mohamad H (ketika itu), dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Rahim Kalandari Mustan* I [1998] 5 CLJ 566, setelah merujuk kes-kes berkaitan isu ini, berpandangan:

Kes-kes ini tidak dapat di 'reconciled'. Walau bagaimanapun saya berpendapat bahawa penggunaan kata-kata 'actual arrest' dan 'constructive arrest' adalah 'unfortunate'. Undang-undang cuma menyebut 'arrest' (tangkapan). Apa yang jelas ialah sama ada tangkapan telah berlaku atau tidak terletak kepada keadaan sesuatu

kes. Perkataan 'awak ditangkap' atau yang serupa dengannya dan seseorang itu digari bukanlah satu kemestian. Hakikat bahawa seorang itu akan dihalang daripada beredar dari tempat itu juga tidak semestinya bererti dia telah ditangkap. Mengatakan sebaliknya adalah keterlaluan. Ia bererti setiap kali seorang pegawai polis menahan seseorang untuk meminta kad pengenalannya orang itu telah ditangkap kerana dalam keadaan seperti itu pun tentu sekali pegawai polis itu akan menghalang orang itu daripada pergi dari situ tanpa memperdulikan permintaannya.

**[26]** Diperhatikan kebanyakan daripada kes-kes tersebut melibatkan penentuan kebolehterimaan sebagai keterangan kenyataan seseorang tertuduh yang dibuat setelah ditangkap (*after arrest*) di bawah s 37A ADB 1952 atau pun s 113 KPJ. Dari situ telah timbul konsep tangkapan sebenar (*actual arrest*), tangkapan secara konstruktif (*constructive arrest*), tangkapan simbolik (*symbolic arrest*), dan yang terbaru konsep tangkapan secara teknikal (*technical arrest* — seperti mana disentuh dalam *Teoh Meng Kee v Public Prosecutor* [2014] 5 MLJ 741; [2014] 7 CLJ 1034 yang melibatkan kematian seorang saksi semasa dalam jagaan pihak berkuasa (*custodial death*)). Apa yang jelas pendekatan tersebut diambil bagi tujuan penentuan isu tangkapan dalam konteks perundangan tertentu berkenaan.

**[27]** Pendekatan tersebut ditimbulkan juga dalam rayuan ini. TPR menegaskan bahawa tangkapan bagi maksud s 31A ADB 1952 merangkumi tangkapan secara konstruktif, manakala peguam responden pula berhujah bahawa tangkapan di situ bermakna hanya tangkapan sebenar (yang dipersetujui oleh YA pesuruhjaya kehakiman).

**[28]** Kami telah meneliti dan mempertimbangkan penghujahan kedua-dua pihak dan kes-kes yang dirujuk. Kami tidak berkecenderungan untuk mengikut pendekatan-pendekatan tersebut. Setelah meneliti kes-kes di atas, kami bersetuju dengan pandangan bahawa pendekatan-pendekatan tersebut sukar untuk diseragamkan (*reconcile*) dan agak malang (*unfortunate*) untuk digunakan seperti mana dikatakan oleh YA Abdul Hamid Mohamad H (ketika itu) dalam *PP v Abdul Rahim Kalandari Mustan*. Pada kami, dalam semua perundangan yang berkenaan sama ada dalam KPJ atau pun ADB 1952, apa yang perlu ditentukan adalah sama ada telah berlakunya satu tangkapan atau tidak. Kami berpendapat penentuan isu tersebut akan bergantung pada fakta dan keadaan sesuatu kes itu. Inilah prinsip am yang terpancar daripada pertimbangan kes-kes di atas.

**[29]** Isu tangkapan ini telah ditimbulkan juga dalam kes Mahkamah Persekutuan dalam *Public Prosecutor v Lim Hock Boon* [2009] 3 MLJ 604; [2009] 3 CLJ 430 iaitu satu kes pengedaran dadah berbahaya di bawah s 39B ADB 1952, yang antara lain melibatkan isu kebolehterimaan pernyataan tertuduh yang dikatakan dibuat selepas tertuduh ditangkap (*after his arrest*)

tanpa diberikan kata-kata amaran di bawah s 37A ADB 1952 bagi tujuan pembuktian pemilikan mens rea dadah berbahaya. Fakta berkaitan isu ini secara ringkasnya adalah seperti yang berikut:

> The facts are that on 28 January 2000 at about 2am Chief Inspector William Kuyal (PW8) of the Narcotic Division at the Police Headquarters in Kelang together with a police party comprising six officers proceeded to a Shell petrol station at Jalan Batu Tiga Lama, Kelang. There he and his party laid an ambush. An hour later, a silver Proton Saga No BDH 8872 came into the petrol station. It was driven three or four times through and around the forecourt of the petrol station. There was only one person in the car. It was the respondent. He was the driver. PW8 witnessed all this. When the car came to a halt, he and his party approached it. *PW8 identified himself to the respondent as a police officer. The car's engine was still running. He switched it off and took possession of the ignition key.* He noticed that the respondent appeared to be in a state of panic and was sweating. On realising that they were the police *the respondent pleaded for help to release him*. He also made *certain statements to PW8. These statements were expunged by the trial court as being inadmissible for want of a caution*. The car was searched. The police found a newspaper — wrapped package beneath the front passenger seat. Subsequent chemical examination revealed that the package contained 892.4g of cannabis. The respondent was later charged for trafficking in the drugs. At the end of the prosecution case, his defence was called. He gave his evidence on oath. (Penekanan ditambah.)

**[30]** Terdapat dua penghakiman berkenaan dengan isu tangkapan dan kebolehterimaan pernyataan tertuduh tersebut. Mengenai isu tangkapan, YA Nik Hashim HMP menyatakan:

> [14] The respondent's case was that he was already under arrest when he made the incriminating statements. *So, the issue for determination was the point of time he was arrested*. The High Court did not make a specific finding on this aspect although PW8's evidence at p 90 of the appeal record *Jld* 2 shows that he had ordered D/Kpl Dumeran to handcuff the respondent upon the discovery of the cannabis in the car. According to the Court of Appeal, the respondent was under arrest the moment PW8 switched off the engine and took possession of the keys. This is what the Court of Appeal said:
>
> > ... *It is clear from the evidence that the appellant was under arrest the moment PW8 turned off the engine and took possession of the keys.*
>
> [15] *As to when is a person to be regarded as being under arrest for the purpose of s 37A of the Act is a question of fact to be decided according to the circumstances of each case* (see *PP v Kang Ho Soh* [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ Rep 557). As to what constitutes an arrest, Suffian LP in *Jayaraman Velayuthan & Ors v PP* [1982] CLJ 464; [1982] CLJ Rep 130 adopted the statement of the law on the subject by Lord Devlin in *Shaaban & Ors v Chong Fook Kam & Anor* [1969] 1 LNS 170 ...

Seterusnya di perenggan [18] antara lain diputuskan:

> [18] ... On the facts, it cannot be said that the respondent had been arrested by PW8 when he blocked the respondent's car and switched off the engine and took

possession of the keys, for he had stopped him to make inquiries. At most the acts of blocking the car and switching off the engine and taking possession of the keys amounted to a constructive arrest. *The need to administer the caution under s 37A of the Act only arises after actual arrest and not constructive arrest.* Therefore, the respondent's statement seeking PW8's assistance to release him before PW8 could question him was admissible in evidence as the respondent then was not yet under actual arrest. (Penekanan ditambah.)

**[31]** Daripada apa yang kami fahami, kekuatan penghujahan TPR boleh terletak pada ungkapan yang berikut 'The need to administer the caution under s 37A of the Act only arises after actual arrest and not constructive arrest' seperti mana diputuskan di perenggan 18, dalam kes *PP v Lim Hock Boon*. Kehendak ini boleh diperdebatkan tidak terpakai jika isu tangkapan di situ tidak melibatkan penentuan kebolehterimaan apa-apa pernyataan tertuduh di bawah s 37A ADB 1952. Ekoran itu, bagi tujuan penentuan orang yang ditangkap di bawah s 31A, konsep tangkapan konstruktif dengan itu terpakai. Kami akui penghujahan tentang konsep tangkapan konstruktif dari sudut ini adalah menarik.

**[32]** Bagaimanapun YA Abdul Aziz Mohamad HMP, dalam kes *PP v Lim Hock Boon* tersebut telah mengambil pendekatan yang lain. YA Abdul Aziz Mohamad HMP bersetuju dengan pandangan Mahkamah Rayuan berkenaan isu tangkapan. Ini boleh diperhatikan daripada petikan yang berikut:

[47] The learned DPP took the stand that the plea to be let off was made before the car engine was switched off, which again indicates that the learned DPP accepted that there was an arrest at that point in time. It is clear from my reading of the evidence of the Chief Inspector that the plea was made *after the engine was switched off*. The learned trial judge, too, in setting out at the beginning of his grounds of judgment the facts adduced by the witnesses for the prosecution, placed the plea *after the switching off of the car engine*. It is true, as the learned DPP pointed out, that later in the grounds of judgment the judge said that the plea was made as soon as (sebaik sahaja) the Chief Inspector identified himself, but that was the place where he was setting out the 'surrounding circumstances' implying knowledge. I believe that there he was merely concerned with the fact of the plea and he was not particular about the point in time because he was not considering the question whether the plea was made before or after arrest.

[48] The learned DPP further submitted that the plea was not a statement but was conduct asking for help. The exact words of the Chief Inspector as to what the respondent did were 'meminta bantuan tolong untuk melepaskannya'. In my judgment that was a statement and the conduct was in the statement. Without the statement there would have been no conduct. *In my judgment the statement was inadmissible.*

[49] But although the learned trial judge misdirected himself, as the Court of Appeal found, in accepting and relying on the evidence of the respondent's leading the Chief Inspector to the front-passenger door, and, as the Court of Appeal might

A have found and *as I find*, in accepting and relying on the plea to be let off, in my judgment there was enough prima facie proof of knowledge in the remaining evidence ... (Penekanan ditambah.)

B **[33]** Walaupun berlainan pendekatan, kami berpendapat kedua-dua penghakiman tersebut berasaskan prinsip am yang sama, iaitu isu tangkapan merupakan persoalan fakta dan harus diputuskan berdasarkan keadaan sesuatu kes itu. Bagaimanapun kami cenderung untuk mengikuti pendekatan YA Abdul Aziz Mohamad HMP yang tidak melihatnya dari sudut dikotomi tangkapan sebenar atau konstruktif. *Pada pengamatan kami perkataan*
C *tangkapan dan penentuan bilakah sesuatu tangkapan itu berlaku, sama ada bagi tujuan s 37A atau pun s 31A ADB 1952, seharusnya sama, dan akan bergantung pada fakta dan keadaan sesuatu kes itu.*

D **[34]** Berlandaskan prinsip am di atas, kami mendapati adanya cukup fakta dan keadaan dalam kes ini yang menunjukkan bahawa pada masa responden diarah memberikan spesimen air kencingnya, dia sudah pun ditangkap bagi maksud s 31A(1A) ADB 1952. Harus dicatatkan di sini bahawa s 31A tidak memperuntukkan kuasa menangkap kepada pegawai polis. Kuasa tersebut
E diberikan dalam s 31 ADB 1952. Seksyen 31 ADB 1952 memberikan kuasa tangkapan jika terdapat kepercayaan yang munasabah bahawa sesuatu kesalahan di bawah ADB 1952 telah dilakukan atau akan dilakukan. Ini mewajarkan pengemukaan maklumat yang diterima (*information received*) oleh pihak polis sebagai keterangan untuk menentukan isu tangkapan ini
F (rujuk kes *Raissi v Metropolitan Police Commissioner* [2009] 3 All ER 14; dan *Shaaban & Ors v Chong Fook Kam & Anor*). Keterangan SP2, sama ada semasa pemeriksaan utama atau pemeriksaan balas, dengan jelas menunjukkan SP2 dan kumpulannya telah bertindak atas maklumat penyalahgunaan dadah oleh suspek iaitu responden, di tempat dia bekerja iaitu di sebagai pegawai balai di
G Balai Polis Kuala Perlis. Sebelum pergi ke balai tersebut, SP2 telah terlebih dahulu menghubungi Balai dan memastikan responden bertugas pada hari serbuan. Setibanya di Balai tersebut, SP2 telah memperkenalkan dirinya sebagai Sub/Insp Narkotik dan telah memaklumkan kedatangan mereka adalah untuk menahan, mengambil dan membuat ujian saringan air kencing
H ke atas responden. Responden kemudiannya diarahkan untuk menyediakan air kencingnya di tandas balai dengan diiringi dan diperhatikan oleh SP2 dan Korp Asmadi. SP2 dengan jelas mengatakan responden merupakan sasaran (suspek) serbuan itu dan tiada orang lain yang berada di balai ketika itu. Pada masa yang sama, kumpulan SP2 yang lain telah juga menggeledah kereta
I responden. Setelah strip ujian ke atas air kencing responden menunjuk keputusan positif methampethamine, responden telah dibawa ke IPK Perlis untuk tindakan selanjutnya. Dalam keadaan di atas, dan walaupun responden dikatakan memberikan kerjasama, dan sebagai seorang anggota polis sokongan, namun kebebasannya telah disekat dan dia telah dipaksa untuk

mengikuti segala arahan yang diberikan — rujuk kes *Alderson v Booth* [1969] 2 QB 216 yang memutuskan 'Held (1) that an arrest was constituted when any form of words was used which, in the circumstances, were calculated to and did bring to the notice of a defendent that he was under compulsion to which he thereafter submitted'. Dalam keadaan di atas, kami dapati responden telah ditangkap sebaik sahaja dia ditahan dan diarahkan memberikan spesimen air kencingnya. Hal keadaan ini disokong oleh laporan polis SP2, P6, yang dengan jelas menyatakan:

> BERTINDAK ATAS MAKLUMAT PADA 06/05/2014, JAM LEBIH 0930 HRS BERTEMPAT DIBALAI POLIS KUALA PERLIS SAYA MENGETUAI SEPASUKAN ANGGOTA CAWANGAN NARKOTIK IPK PERLIS TERDIRI DARI D/KPL 104368, 124516, 140542, 142263 DAN L/KPL 173072 SETELAH SAYA MEMPERKENALKAN DIRI 'POLIS' DENGAN MEMPAMERKAN KAD KUASA *TELAH MENAHAN* SEORANG ANGGOTA KONST/SOKONGAN BALAI POLIS KUALA PERLIS KERANA DISYAKI TERLIBAT DALAM AKTIVITI PENYALAHGUNAAN DADAH.
>
> *SETELAH SASPEK BERADA DALAM KAWALAN* DAN MEMBERIKAN KERJASAMA SAYA TELAH MEMBUAT PEMERIKSAAN FIZIKAL KE ATAS SASPEK DAN PEMERIKSAAN KE ATAS KERETA SASPEK JENIS PROTON WIRA WARNA KELABU NOMBOR PENDAFTARAN PDJ 9002 YANG DILETAKKAN DI HADAPAN BALAI TETAPI TIDAK MENJUMPAI APA APA BARANG YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG. SETERUSNYA SAYA DENGAN DIBANTU OLEH D/KPL 124516 TELAH *MEMBUAT UJIAN SARINGAN AWAL POLIS* KE ATAS SASPEK DENGAN MENGGUNAKAN BOTOL URINE NOMBOR SIRI S/N 0152174 KEPUTUSAN UJIAN SARINGAN AWAL POLIS DAPATI AIR KENCIL SASPEK POSITIF METHAMPTHEMINE. SAYA TANGKAP SASPEK DAN TELAH MENERANGKANHAK HAK SASPEK UNTUK MENGHUBUNGI KELUARGA SERTA PEGUAM SEPERTI MANA PERUNTUKAN SEK 28A KTJ DALAM BAHASA Melayu DAN TELAH DIAKUI FAHAM OLEH SASPEK ... (Penekanan ditambah.)

**[35]** Kami berpendapat fakta dan keadaan di sini amat jelas terutamanya penahanan telah dibuat berasaskan maklumat berkenaan satu kesalahan di bawah ADB 1952 yang telah dilakukan oleh responden, dan penahanan itu *bukanlah suatu tindakan sekadar untuk membuat pertanyaan* ke atas responden. Perayu tidak bebas malahan telah mengikut apa yang diarahkan oleh SP2. Selaras dengan s 15 KPJ dan penjelasan dalam kes *Shaaban & Ors v Chong Fook Kam*, *Holgate-Mohammed v Duke*, serta kes yang dirujuk dan setelah mempertimbangkan secara keseluruhan keadaan ini, kami berpendapat semasa spesimen air kencing responden diambil bagi tujuan pemeliharaan dan pemeriksaan di bawah s 31A(1) dan (1A) ADB 1952, responden merupakan seorang yang telah ditangkap dan orang tangkapan (*an arrested person*) dalam maksud peruntukan tersebut.

**[36]** Harus juga dicatat lanjut bahawa s 31A ADB 1952 tidak menyebut di mana-mana bahawa kegagalan untuk mematuhi kehendak di situ boleh membuatkan *apa jua bukti* yang diperoleh hasil daripada pemeriksaan yang dilakukan akan menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan (*inadmissible*). Ini berbeza dengan peruntukan s 113 KPJ atau pun s 37A ADB 1952 yang memperuntukkan dengan jelas bahawa percakapan tertuduh selepas ditangkap dan tanpa diberikan kata-kata amaran tidak boleh diterima sebagai keterangan (*inadmissible*). Seperti mana yang dinyatakan di atas berkenaan dengan objektif s 31A, seksyen ini memberikan keabsahan undang-undang (*lawfulness*) ke atas tindakan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai atau orang yang disenaraikan dalam mengambil sampel dan membuat pemeriksaan ke atas orang yang ditangkap. Pada pandangan kami itulah dasar utama peruntukan s 31A ini. Pada pengamatan kami lagi, skema peruntukan tersebut jelas membezakan antara pemberian kebenaran *vis a vis* kesahan dengan kerelevanan sesuatu bahan bukti yang diperoleh daripada tindakan tersebut. Ini dapat dilihat daripada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam s 31A(1A) itu sendiri iaitu 'For the purpose of *preservation of evidence …*'. Dari sudut ini, penghujahan TPR berkenaan dengan kebolehterimaan keterangan yang relevan, di sini sampel darah yang diambil, walaupun diperoleh secara tidak sah, diwajarkan untuk diterima masuk sebagai keterangan seperti mana diperjelaskan dalam kes *Kuruma, Son of Kaniu v The Queen* [1955] AC 197, dan *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145 (FC). Dari sudut ini, kami berpendapat terdapatnya merit dalam penghujahan ini.

KESIMPULAN

**[37]** Setelah membuat pertimbangan yang mendalam serta setelah mengambil kira keseluruhan premis di atas, kami menjawab isu undang-undang yang dikemukakan secara negatif. Kami mendapati penggunaan dikotomi tangkapan sebenar atau tangkapan konstruktif tidak tepat di sini dan tidak membantu dalam resolusi isu yang dirujuk (lihat kes *R v Whitfield* [1970] SCR 46 (Kanada) yang telah menolak konsep sebegitu termasuk tangkapan simbolik). Pendekatan yang sebaiknya adalah sama ada telah berlakunya sesuatu tangkapan atau tidak. Penentuan isu ini seterusnya akan bergantung pada keadaan dan fakta sesuatu kes itu (*PP v Lim Hock Boon*). Pada pengamatan kami YA pesuruhjaya kehakiman telah terkhilaf dalam penghakimannya apabila mengambil pendekatan secara dikotomi tersebut. Walaupun kami gagal menemukan isu tangkapan ini dihujahkan di kedua-dua peringkat mahkamah, kami mendapati YA pesuruhjaya kehakiman telah gagal menilai fakta-fakta di atas dalam membuat inferens bahawa responden pada masa pengambilan spesimen dilakukan dia belum lagi ditangkap. Kami dapati YA pesuruhjaya kehakiman telah juga gagal untuk menilai laporan P6 bersama-sama dengan keterangan yang diberikan oleh SP3 serta skop pemakaian peruntukan ss 31 dan 31A ADB 1952. Kami juga dapati, jika

hendak dikatakan spesimen air kencing itu tidak sah diambil daripada responden sekalipun, YA pesuruhjaya kehakiman seharusnya, setelah mendapati isu (a) dan (b) bermerit terutamanya memutuskan spesimen air kencing dalam P10 mengandungi methamphetamine, mendapati perayu telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie ke atas responden.

**[38]** Dengan huraian dan analisis di atas, kami berpendapat terdapatnya merit dalam rayuan perayu dan sekali gus memutuskan perayu telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie ke atas responden. Kami dengan ini membenarkan rayuan ini dan mengarahkan responden dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan yang dihadapkan ke atasnya.

*Rayuan dibenarkan; responden diarahkan dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan yang dihadapkan ke atasnya.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar